

22 OCT 2003

MAHATHIR-APEC/I

DR MAHATHIR, DAYA TARIKAN UTAMA DI APEC BANGKOK

Oleh: Arul Rajoo

BANGKOK, 22 Okt (Bernama) -- APEC tidak sahaja menjadi satu perhimpunan 21 orang pemimpin dari rantau Asia Pasifik kerana ia turut dianggotai sesetengah negara paling berkuasa di dunia.

Tetapi ia menjadi medan kepada seorang pemimpin agung dari Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang menjadi tarikan utama pada sidang kemuncak Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (APEC) yang lebih menonjol daripada para pemimpin lain.

Presiden George Bush, dilihat sebagai orang paling berkuasa sekarang ini kerana Amerika Syarikat menjadi kuasa dunia tunggal turut berada di sini dan begitu juga Presiden Vladimir Putin dari Rusia dan Hu Jintao, Presiden baru China, yang merupakan ekonomi paling cepat berkembang.

Perdana Menteri Thai Thaksin Shinawatra merupakan penggerak utama persidangan itu telah memastikan kejayaan APEC tetapi kesemua tokoh itu itu tidak dapat menarik minat media.

Hanya Dr Mahathir yang lantang, yang sedia berjuang dan tidak serik-serik menyuarakan pendapatnya, yang sekali lagi mencuri perhatian media di Bangkok.

Malah, pada sidang kemuncak APEC pertama di Blake Island dekat Seattle dalam 1993, Dr Mahathir telah menunjukkan ketokohnya - bukan kerana kenyataan kontroversinya tetapi kerana ketidakhadirannya dan ini menyebabkan Perdana Menteri Australia pada masa itu Paul Keating melabelnya sebagai keras kepala.

Dr Mahathir dan Keating kemudian telah berbaik-baik tetapi media global menyedari bahawa hanya salah seorang daripada mereka -- pemimpin Malaysia yang tidak dapat dipengaruhi -- yang dapat memberikan "keceriaan" kepada penulisan berita mereka, walaupun di mesyuarat yang membosankan atau ketika Dr Mahathir yang jelas tidak hadir dijadikan sebab untuk menyimpulkan beliau tidak menghadiri dirinya.

Pihak media di APEC masih terus mendapat perhatian walaupun di kalangan pemimpin yang ramai apabila beliau menyuarakan rasa tidak senangnya mengenai percubaan untuk memasukkan isu-isu keselamatan di APEC dan mengisytiharkan bahawa mesyuarat WTO baru-baru ini di Cancun hanyalah kejayaan kecil negara-negara membangun.

Dr Mahathir jelas sekali adalah pemimpin yang paling dinanti-nantikan oleh media antarabangsa di Bangkok. Para wartawan berkenaan menyedari ini adalah kali terakhir mereka akan mendapat petikan yang seperti biasa boleh dipetik daripada pemimpin berusia 78 tahun itu sebagai perdana menteri sebelum beliau bersara pada 31 Okt, selepas 22 tahun di kemuncak pemerintahan.

Dr Mahathir, sendiri yang merupakan seorang penulis prolific tidak pernah mengecewakan media yang lapar kepada kenyataan yang berterus terang yang kadang kala menimbulkan kontroversi dan kadang kala kelakar, yang dapat membantu menarik minat kepada artikel masing-masing.

Tidak semua pemimpin mempunyai keupayaan ini. Tidak juga George Bush, yang lebih dikenali membuat kesilapan ketika berucap seperti yang dapat dilihat pada ketidakupayaannya menyebut nama Aung San Syu Kyi dari Myanmar dengan betul.

Dr Mahathir, yang kini berada di Indonesia selepas perhimpunan APEC pada hari Selasa, akan melawat Timor Leste dan Papua New Guinea selepas ini. APEC merupakan forum antarabangsanya yang terakhir sebelum menyerahkan kuasa kepada timbalannya, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Menurut para pegawai sekretariat Malaysia di Peninsula Hotel di sini di mana Perdana Menteri dan rombongannya tinggal, beberapa dozen panggilan diterima daripada pertubuhan media setiap hari ini kerana ingin mengetahui jadual Dr Mahathir agar mereka dapat hadir sidang akhbar atau peluang mengambil gambarnya.

"Tidak sahaja media Malaysia mencari PM kita, tetapi juga stesen TV utama dan agensi berita seperti CNN, NHK, AFP, Reuters dan beberapa akhbar Jepun," kata seorang pegawai.

Malah, rangkain TV perdana Jepun, NHK, telah mengikuti Dr Mahathir sejak dua bulan lepas dan akan terus berbuat demikian sehingga hari terakhir memegang jawatan, termasuk lawatannya ke tiga-tiga buah negara berkenaan.

Sejak seminggu lepas, beliau telah memberikan bahan berita utama, tidak sahaja di Bangkok, tetapi di seluruh dunia.

Beliau yang tiba di sini sebaik berakhir sidang kemucak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) di Putrajaya, perhatian media dunia tertumpu kepadanya ekoran dari ucapannya di OIC yang mencetus kontroversi global mengenai kenyataannya bahawa "Yahudi memerintah dunia melalui proksi dan mereka jadikan orang lain berjuang dan mati untuk mereka."

Sesetengah media Barat telah memutarbelit ucapannya dan beliau dikatakan sebagai anti Semitik walaupun beliau telah juga menghentam saudara seagama Islam dalam ucapan OICnya itu.

Dan untuk memburukkan lagi keadaan, seorang jurucakap White House malah menyatakan Presiden AS Bush telah mencerca Dr Mahathir pada luar sidang mesyuarat tidak rasmi pemimpin APEC pada hari Isnin. Tetapi Dr Mahathir telah menjawab bahawa tidak berlaku cercaan itu; apa yang berlaku ialah Bush telah menariknya ke tepi dan menjelaskan "kenapa beliau membuat kenyataan yang sekeras itu terhadap saya (Dr Mahathir)" mengenai isu itu.

Dengan merujuk ucapan Dr Mahathir di OIC, seorang pembantu berkata, "Perdana Menteri menyedari apa yang dicakapkannya. Ia tidak ditulis dalam tempoh semalaman. Beliau mula menyediakan teks ucapannya itu sejak Jun dan banyak deraf telah dibuat dan salinan akhirnya disiapkannya sendiri."

Pihak media antarabangsa yang telah "memburunya" sejak ketibaannya di sini pada hari Ahad, akhirnya mendapat bahan sasaran apabila Dr Mahathir mengadakan sidang akhbar di Queen Sirikit National Convention Centre di sini pada hari Selasa.

Sidang akhbar yang diadakan sebaik selesai sidang akhbar biasa oleh pengerusi sidang kemuncak itu, Thaksin, dan tuan rumah seterusnya, Ricardo Lagos Escobar, Presiden Chile. media antarabangsa telah bertanya Dr Mahathir selama 45 minit.

Mereka terdiri daripada Reuters, AFP, Financial Times, The Guardian, Boston Globe, BBC, The Economist dan banyak lagi. Mereka bertanya sebanyak 24 soalan yang kebanyakannya sukar manakala kira-kira 20 kamera televisyen serta beberapa dozen jurukamera telah mengambil gambarnya.

Soalan yang dilemparkan berkisar dari Pertubuhan Perdagangan Dunia, Yahudi, Myanmar, Datuk Seri Anwar Ibrahim, rancangan persaraannya, hubungannya dengan "Timbalan Sheriff Australia" dan pandangan peribadinya mengenai Bush. Seperti biasa, Dr Mahathir telah memberi jawapan yang selamba.

Seorang wartawan Malaysia yang kini bertugas dengan agensi berita asing berkata, dia akan merindui Dr Mahathir di forum-forum antarabangsa apabila beliau bersara sebagai Perdana Menteri kelak.

"Beliau memberikan "keceriaan" pada sidang-sidang berkenaan. Beliau juga memberi bahan berita yang menarik kepada kami. Saya bangga menjadi seorang rakyat Malaysia atas pendiriannya," kata wartawan veteran itu.

Dalam tempoh 10 hari, Dr Mahathir kemungkinan tidak lagi memegang tampuk pemerinthan Malaysia tetapi beliau akan kekal sibuk.

"Beliau mungkin ingin berehat selepas kehidupan awam yang sibuk," kata pembantunya.

Pembantu itu berkata, "Beliau kemungkinan bukan lagi seorang Perdana Menteri tetapi saya yakin beliau akan kekal sibuk kerana banyak jemputan untuknya menghadiri seminar, persidangan dan ceramah hampir setiap minggu, di dalam negara dan seberang laut."

Kepada kebanyakan, jika tidak kesemua, pengamal media, antarabangsa dan tempatan, mereka akan merindui "keceriaan", kejar mengejar dan masa yang sibuk bersama satu-satunya Dr Mahathir sebagai Perdana Menteri sejak 22 tahun lepas.

-- BERNAMA

AR MR SHY AHM